

Sabah antara negeri terbaik

Dari segi akauntabiliti dan kecekapan
pengurusan kewangan



MUSA (dua kiri) menyerahkan replika cek kepada Bendahari Negeri Sabah, Chui Nget Mui (tiga dari kanan), sambil diperhatikan oleh Pengiran Hassanal (kiri sekali) dan Ambrin (tiga dari kiri) sempena majlis itu.

UTUSAN BORNEO
26 SEPTEMBER 2012
MUKA DEPAN

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Sabah antara negeri terbaik di Malaysia dari segi akauntabiliti dan kecekapan pengurusan kewangan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, berkata kejayaan yang dicapai sejak tahun 2000 itu juga membawa Sabah menerima penganugerahan Sijil Tanpa Teguran daripada Jabatan Audit Negara.

Menurutnya, pencapaian yang menunjukkan imej positif Sabah itu jelas membuktikan hasil-hasil negeri diuruskan dengan baik, cekap dan teratur.

“Ia sekaligus menolak tanggapan negatif dan tuduhan tidak berasas pihak-pihak tertentu yang sering mempertikaikan kecekapan pengurusan kewangan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara Bagi Tahun 2011 di sini kelmarin.

Musa turut gembira dengan pencapaian sebahagian agensi negeri yang diaudit kerana menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang bertambah baik.

Jelasnya, prestasi baik itu membolehkan sesetengah agensi mampu berdikari dan sebahagiannya pula berjaya membayar balik pinjaman seterusnya menyalurkan dividen kepada kerajaan negeri.

“Ia adalah petunjuk yang amat baik dan positif kerana peruntukan yang diijamatkan serta dividen yang disalurkan membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk faedah rakyat keseluruhannya.

“Sehubungan itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk menjadikan Sabah sebagai negeri yang maju seiring dengan Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negara,” katanya.

Beliau turut mengingatkan agar pihak yang terlibat tidak cepat berasa selesa dan mudah berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi.

Tambahnya, usaha yang mantap perlu digiatkan agar pencapaian sedia ada dapat dikekalkan dan ditingkatkan untuk menyokong aktiviti pembangunan di semua peringkat.

Musa percaya, sekiranya amalan pengurusan kewangan berhemah dapat dibudayakan dalam organisasi dan diamalkan dalam kerja seharian, prestasi kewangan Sabah akan bertambah cekap.

Pada majlis itu, sebanyak enam jabatan dan agensi kerajaan negeri menerima anugerah atas prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang.

Turut hadir Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang; Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Datuk Pangiran Hassanal Pangiran Muhamad Tahir dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman.

**UTUSAN BORNEO
26 SEPTEMBER 2012
MUKA DEPAN**

Jabatan dan agensi Sabah tepati Indeks Akauntabiliti

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Enam buah jabatan dan agensi kerajaan negeri ini berjaya menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang bagi tahun 2011.

Jabatan dan agensi berkenaan termasuklah Jabatan Bendahari Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Koperasi Pembangunan Desa, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN), Jabatan Cetak Kerajaan dan Lembaga Bandaran Kudat.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata sejak tahun 2007 hingga 2011, pengauditan

pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dilaksanakan di 106 kementerian, jabatan, dan agensi kerajaan di Sabah.

Menurutnya, secara umumnya daripada pengauditan yang dijalankan, prestasi pengurusan kewangan Sabah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

“Enam jabatan dan agensi yang cemerlang itu mendapat penarafan empat bintang dan 21 lagi menerima penarafan tiga bintang, manakala tujuh buah lagi berada pada tahap memuaskan.

“Selain pencapaian berkenaan, kerajaan negeri Sabah juga berjaya mengekalkan Sijil Tanpa Teguran bagi Penyata

Kewangan Kerajaan Negeri dalam tempoh 12 tahun berturut-turut sejak tahun 2000.

“Agensi-agensi kerajaan juga mengambil tindakan proaktif mengemukakan penyata kewangan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara Bagi Tahun 2011 yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman di sini kelmarin.


Ambrin berkata, setakat ini hampir 89 peratus agensi kerajaan negeri berjaya

mengemukakan penyata kewangan 2011 kepada Jabatan Audit Negara.

Jelasnya, kebanyakan agensi kerajaan negeri juga berjaya memperolehi Sijil Tanpa Teguran bagi penyata kewangan masing-masing.

“Berdasarkan rekod Jabatan Audit Negara, sebanyak 40 Sijil Tanpa Teguran berbanding 14 Sijil Berteguran dikeluarkan kepada agensi kerajaan negeri bagi penyata kewangan 2010 hingga Jun tahun ini.

“Ini menggambarkan Sabah menerusi agensi kerajaan negeri semakin peka terhadap tuntutan polisi dan peraturan kewangan dalam mengekalkan akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan serta tadbir urus.



MUSA (dua kiri) ketika menyampaikan replika cek kepada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN), Datuk Nordin Siman (kanan). Turut kelihatan, Ambrin (dua kanan) dan Hassanal (kiri).

“Saya juga berharap agar semua ketua-ketua jabatan, agensi dan anak syarikat kerajaan negeri memastikan mereka tidak lewat menyerahkan penyata kewangan untuk memperolehi sijil bersih,” katanya.

UTUSAN BORNEO
26 SEPTEMBER 2012
MUKA SURAT 2